

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG AKAUNTAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEWANGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>	
<b>Gred W27</b>	: RM 1,367.00	- RM5,098.00
<b>Gred W32</b>	: RM 2,731.00	- RM5,639.00
<b>Gred W36</b>	: RM 3,397.00	- RM6,791.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : RM1667.08); atau  
  
(ii) *Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : RM1892.68); atau
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik Berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
    - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- |  |     |   |
|--|-----|---|
| <b>PENETAPAN GAJI<br/>PERMULAAN</b>                    | 3.  | Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred W27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.  |
| <b>TEMPOH PERCUBAAN</b>                                | 4.  | Penolong Akauntan Gred W27 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.  |
| <b>LATIHAN</b>   | 5.  | Penolong Akauntan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.   |
| <b>PROGRAM<br/>TRANSFORMASI<br/>MINDA/ PEPERIKSAAN</b> | 6.  | Penolong Akauntan Gred W27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.  |
| <b>PENGESAHAN DALAM<br/>PERKHIDMATAN</b>               | 7.  | Penolong Akauntan Gred W27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan |
| <b>PERGERAKAN GAJI<br/>TAHUNAN</b>                     | 8.  | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.   |
| <b>KENAIKAN PANGKAT<br/>KE GRED W32</b>                | 9.  | Penolong Akauntan Gred W27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W32 yang kosong apabila telah:-<br><br>(a) disahkan dalam perkhidmatan;<br><br>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan                |
| <b>KENAIKAN PANGKAT<br/>KE GRED W36</b>                | 10. | Penolong Akauntan Gred W32 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Akauntan Gred W36 yang kosong apabila telah :-<br><br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan<br><br>(b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.  |
| <b>KENAIKAN PANGKAT<br/>SECARA LANTIKAN KE</b>         | 11. | Penolong Akauntan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa  |

**PERKHIDMATAN  
AKAUNTAN DAN  
PEGAWAI KEWANGAN**

Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Akauntan dan Pegawai Kewangan Gred W41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.